

01 DEC 2003

SARANAN MANTAPKAN PERKHIDMATAN AWAM DAPAT REAKSI BAIK - ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata arahan untuk mengurangkan kerenah birokrasi dan menghapuskan budaya rasuah dalam sektor perkhidmatan awam setakat ini mendapat reaksi baik dari jabatan-jabatan kerajaan.

"Menegenai saranan yang telah disuarakan itu sampai pada waktu ini saya mendapat reaksi yang baik. Jadi apa yang dikatakan itu memang pada waktu ini sedang diberi perhatian," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis Hari Raya yang dianjurkan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra dit sini.

Katanya jabatan-jabatan kerajaan kini malah telah mula melaksanakan arahan-arahan berhubung kerenah birokrasi dan gejala rasuah sebagai langkah memantapkan sektor perkhidmatan awam.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas sambutan terhadap saranan-saranan yang dikemukakan oleh beliau selepas beberapa hari menjawat jawatan Perdana Menteri 31 Okt lalu.

Semalam genap sebulan Abdullah mengambil alih selepas Tun Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatan perdana menteri yang disandang selama 22 tahun.

Abdullah berkata beliau juga telah mengadakan mesyuarat dengan jabatan-jabatan terbabit berhubung saranan untuk mewujudkan Institut Etika Awam yang akan ditubuhkan di bawah Pelan Integriti Nasional.

Pelan itu antara lain bertujuan menggalakkan urus tadbir yang baik, akauntabiliti dan kecekapan di sektor awam dan swasta.

-- BERNAMA

SNS NM AHH RON